

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti ciri-ciri wacana penjaga di sebuah rumah warga emas. Bab ini akan merumuskan dapatan kajian mengenai ciri-ciri wacana penjaga berdasarkan penganalisisan yang telah dibuat ke atas transkripsi data kajian.

5.2 Dapatan Kajian

Dapatan kajian akan diuraikan berdasarkan persoalan kajian (sila lihat Bab 1.3) yang diwujudkan dalam penyelidikan ini.

a. Adakah *elderspeak* wujud dalam wacana penjaga rumah warga emas yang dikaji?

Data kajian telah menunjukkan *elderspeak* wujud dalam wacana penjaga. Analisis data mendapati bahawa penjaga menggunakan ujaran yang pendek, ujaran berulang-ulang, ayat tanya, perbendaharaan kata yang terhad, ayat yang ringkas dan kod menindas semasa berkomunikasi dengan warga emas. *Elderspeak* yang wujud kajian adalah sama dengan kajian-kajian lepas seperti Absurn and Gordon (1981), Culbertson and Caporael (1983), Coupland, Coupland and Giles (1991), Kamper, Anagnopoulos, Lyons and Heberlein (1994), la Tourette and Meeks (2000), Simpson (2002), Williams, Kemper and Hummert (2004) dan Yoong (2006).

b. Apakah ciri-ciri *elderspeak* yang wujud dalam wacana penjaga di dalam rumah warga emas?

Ciri-ciri *elderspeak* yang dikenalpasti dalam kajian ini termasuk penggunaan ayat tanya, pengulangan, perbendaharaan kata yang terhad, sintaksis yang ringkas dan kod menindas.


Dalam ciri-ciri ayat tanya, terdapat 4 jenis soalan yang wujud dalam wacana penjaga iaitu soalan ekoran, soalan pilihan, soalan retorik dan soalan ya/tidak. Soalan ekoran dikategori kepada 6 jenis, masing-masing diakhiri dengan partikel ‘ha’, ‘ah’, ‘mei’, ‘ho’, “isn’t it” dan “kan”.

Ciri-ciri pengulangan adalah termasuk pengulangan item leksikal, pengulangan makna dan peniruan ujaran penutur (warga emas dalam kajian ini). Bentuk pengulangan item leksikal dilakukan oleh penjaga dengan mengulang item leksikal tunggal, frasa atau ayat dalam wacana.

Ciri-ciri perbendaharaan kata yang terhad adalah seperti item leksikal tunggal dan bentuk frasa ringkas yang tidak melebihi 3 item leksikal yang selalu digunakan dalam wacana penjaga.

Ciri-ciri sintaksis yang ringkas merangkumi penggunaan ujaran atau ayat yang pendek. Bentuk ciri-ciri sintaksis yang ringkas biasanya terdiri daripada ayat yang telah dipendekkan atau ayat yang kurang lengkap.

Ciri-ciri kod menindas dapat dilihat melalui penggunaan nama julukan dan penggunaan item leksikal yang merendah-rendahkan status dan harga diri seseorang warga emas dalam wacana penjaga. (sila lihat gambar rajah 5.1)



Gambar rajah 5.1: Ciri-ciri *Elderspeak*

c. Apakah fungsi penggunaan ciri-ciri *elderspeak* yang wujud dalam wacana penjaga?

Penggunaan ayat tanya merupakan ciri-ciri *elderspeak* yang paling ketara (39.09%). Penjaga menggunakan ayat tanya untuk fungsi atau tujuan tertentu. Sebagai contoh, untuk tujuan menghadkan jawapan atau ujaran warga mas, penjaga menggunakan soalan pilihan, soalan retorik dan soalan ya/tidak. Soalan retorik tidak memerlukan jawapan warga emas manakala soalan pilihan dan soalan ya/tidak menghadkan jawapan warga emas untuk menjawab dengan jawapan sendiri. Ketiga-tiga jenis ayat tanya tersebut tidak menggalakkan warga mas untuk memberikan pendapat mereka dan keadaan ini menyebabkan sesetengah warga emas menjadi lebih pasif dan tidak ingin bercakap.

Soalan ekoran yang digunakan oleh penjaga bukan setakat ekoran “isn’t it”, “kah”, “ah” dan “ha” , juga termasuk ekoran “mei” dan “ho”. Ciri-ciri soalan ekoran tersebut adalah disebabkan oleh faktor tenaga kerja dan penghuni di rumah warga emas yang majoriti keturunan orang Cina. Penggunaan dialek dan bahasa yang pelbagai memperkayakan jenis-jenis soalan ekoran. Dapatan kajian menunjukkan soalan ekoran “ha” dan “ah” juga wujud di dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang digunakan oleh penjaga Cina. Soalan ekoran “ha” dan “ah” juga digunakan oleh penjaga India, Melayu dan Indonesia. Dalam penganalisan data, dapat dilihat dengan jelas bahawa penggunaan soalan ekoran adalah bergantung kepada fungsi tertentu. Sebagai contoh, penjaga banyak menggunakan soalan ekoran “ha” dan “ah” untuk memberi penekanan maksud ketika berkomunikasi dengan warga emas. Soalan ekoran “ha” dan “ah” juga berfungsi untuk memperolehi kepastian, membangkitkan respon serta untuk melembutkan sesuatu arahan terhadap warga emas. Penjaga akan menggunakan soalan ekoran “mei”

sekiranya mereka berasa kurang yakin terhadap ujaran warga emas atau meragui tindakan warga emas. Penggunaan soalan ekoran “ho”, soalan ekoran “isn’t it” dan soalan ekoran “kan” digunakan oleh penjaga sebagai tanda telah memahami apa yang dituturkan oleh warga emas, juga berfungsi untuk mendapatkan persetujuan pendapat warga emas terhadap sesuatu topik.

Ciri-ciri pengulangan adalah ciri-ciri yang kerap wujud dalam data berikutan dengan soalan ekoran (36.48%). Pengulangan dilakukan oleh penjaga termasuk pengulangan item leksikal, pengulangan makna serta peniruan ujaran warga emas. Fungsi item leksikal diulang-ulang oleh penjaga adalah untuk memberi arahan dan memberi penekanan terhadap sesuatu topik. Penjaga mengulang makna yang sama dengan menggunakan item leksikal atau ayat yang berlainan supaya warga emas memahami mesej yang disampaikan dengan lebih baik. Penjaga mengulang apa yang diujarkan oleh warga emas dalam ciri-ciri peniruan ujaran. Peniruan ujaran berfungsi untuk menandakan bahawa penjaga telah faham maksud warga emas. Fungsi ini juga digunakan oleh penjaga untuk menunjukkan sependapat dengan warga emas. Walau bagaimana pun, pengulangan yang berlebihan perlu dielakkan oleh penjaga sebab ulangan yang terlalu kerap membosankan serta merendahkan taraf (*down gredding*) seseorang warga emas sekiranya mereka dilayan seperti kanak-kanak.

Ciri-ciri *elderspeak* dalam mengubahsuai penggunaan bahasa yang ringkas seperti bertutur dengan kanak-kanak dapat dikesan dalam ciri-ciri perbendaharaan kata yang terhad dan ciri-ciri sintaksis yang ringkas. Penjaga menggunakan perbendaharaan kata yang terhad seperti “mari”, “bangun”, “gayuh basikal” sebagai kata kunci memberi arahan, dengan tujuan menunjukkan kuasa sebagai penjaga.

Penggunaan ayat pendek dalam ciri-ciri sintaksis yang ringkas pada dasarnya adalah untuk memudahkan pemahaman warga emas sebab warga emas tidak dapat memahami ayat yang panjang dan kompleks (makluman penjaga). Pada pendapat pengkaji, penggunaan ayat yang telah diringkaskan dan ayat pendek adalah berpunca dari persepsi negatif penjaga terhadap keupayaan pemahaman warga emas. Tambahan pula, ayat yang terlalu ringkas atau tidak lengkap yang digunakan oleh penjaga kadang-kala tidak membantu dalam penyampaian makna yang tepat malah menimbulkan salah faham dalam komunikasi.

Data kajian telah menunjukkan bahawa penggunaan kod menindas digunakan oleh penjaga dalam penggunaan nama julukan warga emas dan juga item leksikal yang merendah-rendahkan dalam wacana. Penggunaan kod menindas digunakan oleh penjaga semasa mereka bergurau atau menyindir warga emas (lihat Jadual 5.1). Gurauan dan sindiran yang keterlaluan patut dielakkan sebab kod yang merendah-rendahkan dapat menyinggung perasaan dan merendahkan harga diri seseorang warga emas.

Jadual 5.1: Fungsi *Elderspeak*

<i>Elderspeak</i>		
Ciri-ciri	Sub ciri-ciri	Fungsi
Ayat Tanya	“ah”	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi penekanan maksud • Memperolehi kepastian
	“ha”	
	“mei”	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang yakin terhadap sesuatu ujaran • Meragui sesuatu tindakan
	“ho”	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapatkan persetujuan pendapat
	“isn’t it”	
	“kan”	
Pengulangan	Item Leksikal	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi arahan • Memberi penekanan sesuatu topik
	Ulangan makna	<ul style="list-style-type: none"> • Menyampaikan mesej dengan lebih jelas
	Peniruan ujaran	<ul style="list-style-type: none"> • Sebagai tanda memahami maksud • Menunjukkan sependapat
Perbendaharaan kata yang terhad	Item leksikal	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan kuasa
	Frasa	
Sintaksis	Ayat Pendek	<ul style="list-style-type: none"> • Membantu pemahaman
Kod Menindas	Nama julukan	<ul style="list-style-type: none"> • Gurauan
	Item leksikal yang merendah-rendahkan	<ul style="list-style-type: none"> • Sindiran

5.3 Rumusan Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan *elderspeak* merupakan satu fenomena penjaga berkomunikasi dengan warga emas di dalam rumah warga emas. Selain daripada kod menindas, ciri-ciri *elderspeak* yang lain seperti ayat tanya, pengulangan, perbendaharaan kata yang terhad, sintaksis yang ringkas juga menampakkan fenomena merendah-rendahkan (*patronizing*) seseorang warga emas. Semua warga emas dalam sampel kajian ini merupakan individu yang berumur 65 ke atas tetapi dilayan dengan pertuturan seperti kanak-kanak. Penggunaan ayat tanya, pengulangan dan perbendaharaan kata yang terhad oleh penjaga adalah diubahsuai dari gaya pertuturan seorang ibu dengan kanak-kanak. Perbendaharaan kata yang terhad yang digunakan oleh penjaga kebanyakannya terdiri daripada kata kunci yang memberi arahan. Penggunaan ayat pendek yang disebabkan oleh tanggapan negatif penjaga terhadap pemahaman warga emas juga adalah satu tindakan yang merendah-rendahkan warga emas. Pada keseluruhannya, *elderspeak* merupakan cara berkomunikasi yang merendah-rendahkan status seseorang warga emas. Dapatan ini adalah sama seperti yang dinyatakan oleh la Torette dalam kajiannya bahawa penggunaan *elderspeak* terhadap warga emas adalah tidak hormat dan merendah-rendahkan (la Torette and Meeks, 2000).

Pada pendapat pengkaji, penjaga dalam kajian ini menggunakan *elderspeak* sebagai satu strategi komunikasi semasa berkomunikasi dengan warga emas. Sepanjang pemerhatian pengkaji, penjaga menggunakan ciri-ciri *elderspeak* untuk fungsi-fungsi yang berlainan. *Elderspeak* telah dijadikan satu strategi linguistik untuk menyerikan suasana di dalam rumah warga emas. Ini dapat dilihat melalui penggunaan item leksikal penjaga dalam guruan serta pemberian nama julukan terhadap penjaga.

Mungkin tujuan penjaga adalah untuk mencari keseronokan dalam suasana yang agak bosan di rumah warga emas (rutin harian yang sama setiap hari).

Walau bagaimana pun, penggunaan kod yang menindas patut dielakkan dalam wacana penjaga sebab penggunaan bahasa yang merendah-rendahkan terhadap warga emas adalah satu tindakan *ageism* terhadap golongan yang lebih tua daripada kita. Kita seharusnya memupuk nilai menghormati warga yang lebih berumur daripada kita walaupun mereka telah uzur dan hilang keupayaan untuk menjaga diri mereka.

Semoga dapatan kajian ini dapat menyumbang sedikit sebanyak ke arah memperkayakan hasil penyelidikan dan dapat membantu kita supaya meningkatkan kesedaran mengenai penggunaan bahasa terhadap golongan warga tua serta mempertingkatkan abiliti dalam profesion penjagaan warga emas.

5.4 Cadangan

Disebabkan kekangan masa dan faktor beban pekerjaan, kajian ini hanya dapat dibuat ke atas sebuah rumah warga emas, dan skop kajian ini juga terhad kepada penganalisan ciri-ciri *elderspeak*.

Untuk kajian masa hadapan, pengkaji mencadangkan kajian dibuat ke atas penilaian penggunaan *elderspeak* di rumah warga emas serta penggunaan *elderspeak* dalam *setting* keluarga. Kajian juga perlu dibuat untuk meninjau sejauhmana warga emas atau masyarakat Malaysia peka terhadap hak asasi bahasa golongan warga emas. Adakah patut kita menggunakan *elderspeak* terhadap golongan warga emas? Adakah golongan warga emas seharusnya menerima apa jua penggunaan bahasa terhadap mereka sekiranya mereka telah uzur?

Pengkaji berharap penyelidikan terhadap golongan warga emas dapat diperbanyak supaya masyarakat Malaysia lebih prihatin terhadap hak dan autonomi yang sepatut ada pada golongan warga emas sebab warga emas merupakan golongan yang pernah memberi sumbangan dan usaha mereka kepada keluarga, masyarakat serta negara dalam jangka hayat mereka.